

Jangan gagalkan perasmian UIAM

UM 17 APR 2001

KUALA LUMPUR 16 April - Beberapa persatuan mahasiswa hari ini meminta semua pelajar institusi pengajian tinggi dan orang ramai agar tidak menyertai sebarang bantahan untuk menggagalkan perasmian Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad esok.

Mereka kesal dengan tindakan pihak-pihak luar yang menghasut para pelajar dan orang ramai membantah perasmian itu, yang dilihat sebagai cubaan untuk menjatuhkan imej universiti dan kerajaan di peringkat antarabangsa.

Ini kerana majlis tersebut turut dihadiri oleh duta-duta luar negara serta naib-naib canselor universiti Islam seluruh

dunia yang menghadiri Persidanean Universiti-university Negara Islam di ibu negara.

Wakil pelajar UIAM, Mohd. Najib Mohd. Noor berkata, para pelajar seharusnya tidak terpengaruh dengan hasutan pihak-pihak luar yang mempunyai kepentingan politik sebaliknya menyokong program yang dianjurkan oleh pihak universiti.

"Program perasmian esok merupakan saat bersejarah bagi UIAM setelah 18 tahun ditubuhkan dan saya mewakili sebahagian besar pelajar meminta supaya majlis ini tidak dicemari dengan gejala yang tidak sihat," katanya semasa datang ke Ibu Pejabat Utusan di sini hari ini.

Mohd. Najib berkata, beliau yang mewakili se-

bahagian besar pelajar UIAM merasa kesal kerana terdapat maklumat mengenai cubaan sabotaj program tersebut.

"Sebagai pelajar mereka seharusnya berbangga kerana UIAM akhimya akan dirasmikan oleh Perdana Menteri sendiri dan beliau jugalah pengasas penubuhan UIAM," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Warga Warisan Melayu Muda Malaysia (Wawasan) Mohd. Haswandi Ahmad berkata, sebenarnya bantahan yang dirancang esok hanya melibatkan tidak sampai 20 peratus pelajar kerana pihak luar yang terlibat gagal memengaruhi hati pelajar-pelajar lain.

Beliau yang mewakili pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM) membe-

ritahu, bagaimanapun pihak luar yang terlibat cuba menggembar-gemburkan keadaan dengan menyebarkan maklumat yang hampir semua pelajar UIAM akan ikut serta dalam bantahan itu.

"Kami seboleh-bolehnya akan cuba menghalang tujuan jahat mereka dengan bantuan pihak polis.

"Kami juga ingin memaklumkan kepada umum yang kami pelajar-pelajar universiti di seluruh Malaysia menyokong kerajaan dan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah memberi banyak kemudahan pendidikan kepada semua pelajar di negara ini," katanya.

Sementara itu, Presiden Majlis Mahasiswa Anak Pahang, Wan Emril Nizam pula berkata, beliau berharap majlis peras-

mian UIAM yang berlangsung esok akan dapat berjalan dengan lancar.

Beliau berkata, orang ramai dan wakil-wakil pe-

lajar dari semua universiti yang hadir akan bekerjasama memastikan tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diingini.

"UIAM juga mengadakan program karnival terbuka sempena dengan majlis perasmian tersebut.

"Kami berharap agar semua program yang dijalankan akan berakHIR dengan sempurna," katanya.